

JABATAN KEHAKIMAN  
MAHKAMAH AGUNG  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD  
50506 KUALA LUMPUR

Bil Kami: JK/IP(BT)No.14(5)  
Tarikh : 3hb Disember 1988

Y.A. Hakim-Hakim. Mahkamah Agung.  
Y.A. Hakim-Hakim, Mahkamah Tinggi.  
Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Agung/Tinggi.  
Semua Hakim Mahkamah Sesyen.  
Semua Majistret, Mahkamah Majistret.

Yang Arif/Tuan/Puan,

Per: Nota Amalan (Penyelarasan Penggunaan Bahasa Malaysia)  
No. 3 Tahun 1988

Saya telah diarahkan oleh Y.A.A. Ketua Hakim Negara sebagai susulan kepada Nota Amalan (Penyelarasan Penggunaan Bahasa Malaysia) No. 2 Tahun 1988 bertujuan menggalakkan keseragaman penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah.

Panduan Tatacara bagi Peguam-Peguam bila menjalankan prosiding Mahkamah

Pegawai-Pegawai mahkamah hendaklah memulakan pengucapan di mahkamah (tertakluk kepada arahan Y.A.A. Hakim Besar

Malaya dalam surat Ketua Pendaftar bertarikh 13hb. September 1988) seperti berikut:

...2/-

Perbicaraan di Mahkamah Tinggi/Agung

A. Kes Sivil

Cara pengucapan bagi sebutan kes-kes sivil di Mahkamah Tinggi adalah sama dengan Mahkamah Majistret/Sesyen.

B. Perbicaraan Kes-kes Rayuan di Mahkamah Tinggi

(a) "Yang Arif,

Saya ..... adalah peguam bagi pihak perayu/responden (sebutkan mana yang berkenaan) dalam kes ini."

(b) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi pihak peguam lain yang hadir ia hendaklah berkata:

"Yang Arif,

Saya ..... adalah peguam bagi perayu/responden pertama dan rakan saya ..... mewakili perayu/responden kedua" (dan seterusnya).

---

C. Perbicaraan Kes-Kes di Mahkamah Agung

1. Kes-Kes Permohonan Sivil

(a) "Yang Amat Arif/Yang Arif,

Saya ..... adalah peguam bagi pihak pemohon/responden" (jika lebih daripada seorang pemohon/responden, sebutkan sama ada pemohon/responden pertama, kedua dan seterusnya).

(b) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi pihak peguam lain yang hadir ia hendaklah berkata:  
"Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam bagi pihak pemohon/responden pertama dan rakan saya ..... (sebut nama) ..... mewakili pemohon/ responden kedua" (dan seterusnya).

(c) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi pihak peguam yang mewakili pemohon yang tidak dapat hadir ia hendaklah berkata:  
"Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya ..... (sebut nama) ..... menyebut bagi pihak ..... (sebut nama) ..... peguam yang mewakili pemohon/ responden yang pertama (kedua dan seterusnya) yang tidak dapat hadir kerana ..... (berikan sebab-sebabnya)."

2. Kes-Kes Rayuan

(a) "Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam bagi pihak ~~perayu/responden (sebutkan mana yang berkenaan)~~  
dalam kes ini."

(b) Jika peguam hadir untuk arahan memerhati:  
"Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam yang menjalankan arahan memerhati bagi pihak ..... (sebut nama) ..... dalam kes ini."

Saya yang menurut perintah,



(ZAINAL ABIDIN BIN AZIR)  
Pemangku Ketua Pendaftar,  
Jabatan Kehakiman Malaysia,  
Kuala Lumpur.

s.k.

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara.
2. Y.A.A. Pemangku Hakim Besar Malaya.
3. Y.A.A. Hakim Besar Borneo (untuk makluman).
4. Y.B. Peguam Negara Malaysia.
5. Pengarah Siasatan Jenayah,  
Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur.
6. Semua Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri.
7. Pegawai Biro Terjemahan Mahkamah Agung.
8. Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi.
9. Pengerusi Majlis Peguam Malaysia.
10. Pengerusi Jawatankuasa Peguam Negeri-Negeri.